

PELUANG KERJAJAYA



Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



**KUMPULAN
PELAKSANA/BAKAT &
KEBOLEHAN/DIPLOMA/
STPM/STAM/
MATRIKULASI KPM**



**AHLI MUZIK GRED B29
(SEMENANJUNG)**

**KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN
MULTIMEDIA MALAYSIA (K-KOMM)**

**Kekosongan : 14 (7 lelaki, 7 perempuan)
Simpanan : 10 (5 lelaki, 5 perempuan)**

1. Syarat Lantikan

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) memiliki:
 - (i) mempunyai **bakat**, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/ atau lebih alat muzik moden atau tradisional serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); **atau**
 - (ii) **Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); **atau**
 - (iii) **Sijil Tinggi Agama Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); **atau**
 - (iv) **Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); **atau**
 - (v) **diploma** dalam bidang seni muzik yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,777.78)

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah dengan kelayakan 1(c)(ii), 1(c)(iii), 1(c)(iv) dan 1(c)(v) hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Keperluan Bidang (Ditetapkan oleh Jabatan)

- (a) Muzik
- (b) Pendidikan muzik
- (c) Muzik komposisi

4. Keperluan Tambahan

Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan/ kelulusan diploma yang diiktiraf dan disahkan oleh senat universiti/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

5. Maklumat Syarat Lantikan

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/kelayakan-bakat/ahli-muzik>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas **tidak perlu mendaftar semula sekiranya permohonan masih dalam tempoh sah laku pada tarikh tutup iklan.** Walau bagaimanapun, calon perlu memastikan pusat temu duga dikemas kini sebelum atau pada tarikh tutup iklan. Hanya permohonan calon yang diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses. Tarikh tutup permohonan bagi urusan pengambilan ini adalah pada **21 November 2022 (Isnin), jam 11.59 malam.**

MOHONLAH SECARA ONLINE DI



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia_gov



spa.malaysia



SPAJPM